

# Waspada taktik penipuan rumah sewa

## UMS ingatkan pelajar supaya tidak terperdaya iklan di media sosial

**UB 07.10.2022 P.02**  
**KOTAKINABALU:** Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinasihatkan agar berwaspada dengan taktik 'scammer' yang menawarkan rumah sewa di sekitar kampus UMS yang giat dipromosikan menerusi media sosial.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, pelajar baharu dan lama perlu sentiasa berwaspada dan peka dengan modus operandi yang dijalankan penipu dalam talian ini.

"Isu ini timbul apabila pelajar yang akan mula kembali ke kampus dan meneruskan kaedah pengajian secara bersemuka apabila semester dibuka nanti sedang mencari



**KASIM**

rumah sewa. Peluang inilah yang diambil mereka untuk mengaut keuntungan.

"Justeru, saya menyeru

kepada para pelajar untuk merujuk kepada Pusat Pengurusan Non Residen dan Fasilitas Perumahan Pelajar (PNRF) UMS bagi sebarang urusan yang berkaitan dengan rumah sewa bagi mengelakkan penipuan seperti ini dari terus berlaku," tegasnya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sebuah laporan akhbar nasional semalam mendedahkan seramai 10 pelajar UMS yang mencari rumah sewa ditipu dengan kerugian mencecah RM30,000.

Sehubungan itu, Kasim turut mengingatkan agar pelajar-pelajar yang mencari rumah sewa sendiri perlu terlebih dahulu membuat

semakan dan memeriksa rumah yang bakal diduduki sebelum membuat bayaran deposit bagi mengelakkan mereka ditipu.

Mengambil pendirian dalam isu rumah sewa pelajar juga, beliau menegaskan rumah yang hendak disewakan perlulah memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan seperti penyediaan bekalan elektrik, air, kipas, tandas dan dapur.

"Kita tidak mahu penyewa mengambil kesempatan dengan menyediakan kemudahan yang tidak sesuai dan tidak lengkap yang akan menyusahkan pelajar kita nanti.

"Pemilik rumah di sekitar

UMS yang berminat untuk menyewakan rumah atau bilik kepada pelajar boleh berhubung dengan PNRF, UMS agar pihak kami dapat mengenal pasti dan mengesahkan yang penyewa bukanlah 'scammer'," jelasnya.

Untuk rekod, laman web <https://rumahsiswa.mohe.gov.my/> sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memudahkan pelajar mendapat maklumat dan senarai rumah sewa.

Sebarang maklumat lanjut berhubung rumah sewa, para pelajar UMS boleh menghubungi PNRF di talian 088-320000 sambungan 205500 atau melalui emel [pnrf@ums.edu.my](mailto:pnrf@ums.edu.my).